

**Hasil Konvensyen BN Selangor Dibawa Ke Jawatankuasa Pemandu - Noh
Bernama
18 September , 2011**

TANJONG KARANG, 18 Sept (Bernama) -- Hasil perbincangan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor semalam akan dibawa ke sebuah jawatankuasa pemandu yang akan ditubuhkan kelak, kata Timbalan Pengerusi BN Selangor Datuk Seri Noh Omar hari ini.

Beliau berkata jawatankuasa itu antara lain akan turut memantau gerak kerja BN negeri yang dibuat hasil daripada pembentangan resolusi pada konvensyen itu bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Jawatankuasa pemandu ini juga akan menentukan KPI atau pencapaian kita dalam melaksanakan dan menunaikan segala manifesto yang akan dirangka untuk pilihan raya umum nanti," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri jamuan rumah terbuka Aidilfitri kampung-kampung sekitar kawasan Tanjong Karang di sini, hari ini.

Konvensyen tertutup sehari itu, yang dihadiri kira-kira 3,000 perwakilan dan pemerhati BN serta parti-parti dan badan-badan bukan kerajaan proBN, dirasmikan dan ditutup oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Pengerusi BN Selangor.

Noh, yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata BN Selangor akan menyahut saranan Najib yang mengingatkan pemimpin parti komponen BN supaya tidak hanya menjaga kepentingan kelompok masing-masing sahaja.

Beliau berkata pihaknya akan menganjurkan lebih banyak program terbuka untuk kebaikan rakyat dengan menjemput pelbagai pihak tanpa mengambil kira fahaman politik.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA.

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=614157>